

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah fiskal terbaru yang bakal diambil memandangkan Malaysia telah mengalami keruntuhan hasil minyak sebanyak RM14 bilion pada 2015 dan RM10 bilion yang dijangka bagi tahun 2016. Adakah kadar GST akan dinaikkan lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Negara kita terdedah kepada ketidaktentuan persekitaran luar. Mengambil kira pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan penurunan harga minyak mentah dunia yang ketara sejak awal tahun

2015 serta kesannya kepada hasil Kerajaan Persekutuan, Bajet 2016 yang dibentangkan pada Oktober 2015 telah diubahsuai pada 28 Januari 2016.

Dalam Bajet 2016 yang diubahsuai, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga minyak mentah dunia (*Dated Brent*) daripada USD48 setong kepada paras di antara USD30 hingga USD35 setong. Oleh itu, hasil berkaitan petroleum dianggarkan turut berkurang dengan jumlah di antara RM7 bilion hingga RM9 bilion. Bagi mengimbangi penurunan hasil tersebut serta mengekalkan sasaran paras defisit fiskal tahun 2016 pada 3.1% daripada KDNK dan jumlah hutang di bawah paras 55% daripada KDNK, Kerajaan terus melaksanakan langkah-langkah strategik dalam memperluaskan asas hasil Kerajaan (*broaden the revenue base*) agar tidak terlalu bergantung kepada hasil berkaitan petroleum serta mengoptimum dan mengurangkan ketirisan perbelanjaan mengurus.

Dalam pembentangan pengubahsuaian Bajet 2016, Kerajaan telah mengumumkan langkah meningkatkan hasil Kerajaan, antaranya adalah seperti berikut:

- a. menggandakan usaha pematuhan dan pengauditan terhadap

para pengelak cukai atau *tax evaders*.

- b. memberi pertimbangan khas dengan melonggarkan pengenaan penalti kepada pembayar cukai, bagi menggalakkan pembayar cukai tampil melaporkan pendapatan tahun ke belakang. Tunggakan cukai tersebut perlu dilangsaikan sebelum 31 Disember 2016;
- c. mengurangkan ketirisan hasil di Pulau Bebas Cukai yang dianggarkan hampir 1 bilion ringgit dengan menstruktur semula saluran jualan rokok dan minuman keras iaitu dihadkan kepada Kedai-kedai Bebas Cukai yang dilesenkan oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia;
- d. memperketatkan pengecualian cukai kenderaan import dengan meningkatkan penguatkuasaan dan pengauditan;
- e. mengoptimumkan pendapatan daripada spektrum telekomunikasi melalui pengagihan semula dan proses bidaan; dan
- f. membangunkan beberapa kawasan strategik milik Kerajaan dengan melaksanakan proses bidaan bagi merancakkan lagi kegiatan ekonomi.

Di samping itu, keutamaan perbelanjaan pembangunan akan disusun semula dengan penekanan diberikan kepada program dan projek

pembangunan yang memberi kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), pelaksanaannya bermula 1 April 2015 dan tindakan ini telah meluaskan asas cukai. Kutipan GST telah membantu mengimbangi kehilangan hasil ekoran harga minyak mentah dunia yang lebih rendah dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan komoditi yang tidak menentu. Sumbangan hasil berkaitan petroleum kepada jumlah keseluruhan hasil telah menurun kepada 21.5% pada tahun 2015 berbanding dengan 30% pada tahun 2014. Peratusan ini dijangka terus menurun kepada antara 13% dan 14% pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar GST dalam masa terdekat.

Dalam pada itu, pelaksanaan langkah pembaharuan fiskal (*fiscal reform*) yang merangkumi langkah meningkatkan hasil dan rasionalisasi perbelanjaan akan memastikan kemampuan fiskal jangka masa panjang negara. Melalui pendekatan ini, Kedudukan fiskal yang kukuh akan mengekalkan daya tahan ekonomi negara

serta menjamin kesejahteraan rakyat dalam jangka masa panjang. Walaupun Kerajaan komited dalam melaksanakan langkah tersebut, kebajikan dan kepentingan rakyat tetap menjadi keutamaan. Oleh yang demikian, sebarang langkah yang ingin diambil akan diperhalusi dengan teliti bagi mengimbangi kesejahteraan rakyat dengan keperluan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara.